

29/07/1997

Serangan `Taufan Soros' reda

SERANGAN spekulatif terhadap mata wang di rantau ini termasuk `Taufan Soros' mula reda dan ringgit kelihatan menuju ke arah lebih stabil, kata tokoh kewangan terkemuka tempatan, Tan Sri Abdul Rashid Hussain.

Beliau yang mengaitkan pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros sebagai `taufan', percaya ringgit tidak akan pergi lebih jauh melepasi tahap 2.65 atau 2.66 berbanding dolar.

"Saya yakin ringgit akan mengukuh pada tahap 2.62 selepas menghadapi tekanan berlebihan dalam pasaran spekulatif. Biasanya spekulator tidak akan hadir begitu lama di sesuatu tempat.

"Ia tidak ubah seperti taufan atau panggil sahaja Taufan Soros yang akan pergi dari satu tempat ke tempat lain. Pada saya, yang tinggal kini cuma spekulator amatir kerana spekulator canggih sudah beredar," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Eksekutif RHB Capital Bhd (RHB Capital) berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu bahawa Soros sebagai orang bertanggungjawab menyebabkan keadaan mata wang rantau ini kecoh.

Sehingga jam 5 petang semalam, ringgit meningkat dengan ketara selepas kenyataan Dr Mahathir yang memberi amaran kerajaan akan mengambil tindakan terhadap spekulator mata wang.

Ringgit yang jatuh ke paras 2.65 bagi seunit dolar pada sesi pembukaan pagi semalam, melantun dengan mendadak untuk ditutup pada 2.6385/15 berbanding 2.6480/95 pada Jumaat.

Urus niaga hadapan Klibor tiga bulan di Bursa Kewangan Malaysia (MME) pula ditutup lebih rendah secara menyeluruh semalam disebabkan kekukuhan dalam kadar antara bank.

Abdul Rashid berkata, spekulasi berlebihan terhadap ringgit tidak menggambarkan asas sebenar kekukuhan ekonomi negara sehingga menurun pada tahap yang tidak sepatutnya dan turut menjejaskan pasaran saham.

(END)